



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

UNSUR EMOSI DAN KONFLIK DALAM NOVEL KOMSAS PILIHAN

FAZIELA ABU BAKAR @ CHE DIN

FBMK 2016 63



UNSUR EMOSI DAN KONFLIK DALAM NOVEL KOMSAS PILIHAN

Oleh

FAZIELA BINTI ABU BAKAR @ CHE DIN

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Master Sastera

Februari 2016

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



t
FBMK
2016
63

1000781952

**Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

UNSUR EMOSI DAN KONFLIK DALAM NOVEL KOMSAS PILIHAN

Oleh

FAZIELA BINTI ABU BAKAR @ CHE DIN

Februari 2016

Pengerusi : Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini membincarakan tentang unsur emosi dan konflik yang terdapat dalam novel KOMSAS pilihan iaitu novel 6:20 karya Siti Jasmina Ibrahim, *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah, *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah, *Papa... (Akhirnya Kau Tewas Juaj)* karya Deana Yusof dan *Cinta Madinah* karya Abu Hassan Morad. Novel-novel remaja yang dipilih, telah mencetuskan beberapa rasa tidak puas hati beberapa pengkritik, penggiat sastera, para sarjana dan lain-lain apabila teks-teks ini dijadikan sebagai bahan bacaan pelajar sekolah. Ada sesetengah individu beranggapan bahawa novel-novel ini tidak menepati objektif dan tidak sesuai untuk digunakan sebagai bahan bacaan pelajar. Dalam kajian ini kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis teks. Justeru kajian ini akan mengenalpasti dan menganalisis unsur psikologi yang diungkapkan oleh pengarang dalam setiap karya yang dihasilkan. Persoalannya adakah novel-novel ini tidak memaparkan teladan yang baik kepada khalayak pembacanya sedangkan novel-novel ini telah memenangi pelbagai pertandingan untuk kategori novel remaja. Setelah diteliti, novel-novel remaja yang dipilih ini mempunyai unsur emosi dan konflik yang diterapkan oleh pengarang dalam karya yang dihasilkan. Oleh itu, pengkaji melihat unsur dari sudut emosi dan konflik yang dihadapi oleh watak dalam novel tersebut dengan menggunakan pendekatan psikologi. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati novel-novel ini menyelitkan pelbagai jenis emosi iaitu emosi positif dan negatif. Manakala dari sudut konflik pula pengkaji mendapati konflik yang tercetus dalam novel-novel ini seperti konflik remaja dengan keluarga, konflik remaja dengan diri sendiri dan konflik remaja dengan rakan sebaya. Dalam konteks kehidupan, manusia tidak pernah terlepas daripada menghadapi masalah hidup. Begitu juga permasalahan dalam kalangan remaja. Remaja seringkali dikaitkan dengan sifat remaja beremosi dan juga remaja berkonflik. Hal ini kerana jiwa golongan ini sangat mudah tersentuh dan beremosi sekiranya tersalah asuhan.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in
fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

**ELEMENT OF EMOTIONS AND CONFLICT IN THE NOVEL
ADOLESCENCE KOMSAS OPTION**

BY

FAZIELA BINTI ABU BAKAR @ CHE DIN

February 2016

Chairman : Nik Rafidah binti Nik Muhammad Affendi. PhD
Faculty : Modern Language and Communication

This study looks at the psychological aspect of the teen novel, namely option of 6:20 by Siti Jasmina Ibrahim (2001), *Merenang Gelora* by Ruslan Ngah (2002), *Azfa Hanani* by Halis Azhan Mohd Hanafiah (1995), *Papa... (Akhirnya Kau Tewas Jua)* by Deana Yusof (2009) and *Cinta Madinah* by Abu Hassan Morad. The teen novels selected, has triggered some dissatisfaction some literary critics, activists, scholars and others when the texts used as reading materials students. There are some individuals thought that these novels do not meet objectives and are not suitable for use as student reading materials. In this study the method used is a qualitative method which is a text analysis methods. Thus this study will identify and analyze the elements conflict and emotions that are pronounced by the author in each of the works produced. The question do these novels do not display a good example to his readers audience, while the novels have won many competitions for teen novels category. Once examined, teen novels selected has psychological elements that applied by the authors of the works produced. Therefore, researchers looked at the psychological elements of emotion and conflict faced by the characters in the novels by using psychological approach. Based on the studies conducted, researchers found the novels included a variety of emotions which are positive and negative emotions. While at the outset of conflict in turn found conflicts that broke out in these novels as a teenager with family conflict, conflict teenagers with yourself and conflicts teens with peers. In the context of life, humans have never been spared from problems of life. Similarly, problems among teenagers. Teenagers often associated with teenagers and teenagers also cold and conflicts. This is because the soul is very touchy and cold if wrongly upbringing.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin oleh dan limpah kurnia oleh-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Sarjana Sastera (Kesusasteraan Melayu) dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Pada kesempatan ini, saya ini merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan penyeliaan iaitu Dr. Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi selaku penyelia tesis dan Dr. Roslina Abu Bakar yang banyak memberi input dan output dalam proses menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah yang telah mencurahkan ilmu dari awal sehingga akhir pengajian. Rakaman dan penghargaan juga disimpulkan untuk para sahabat seperjuangan yang telah memberikan panduan serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan tesis ini. Hanya kepada Ilahi dipanjatkan doa, agar segala kebaikan diberi ganjaran yang sewajarnya.

Tidak lupa juga kepada abah dan mak yang sentiasa menyokong di belakangku. Doa abah dan mak mengiringi kejayaan anakmu ini. Terima kasih yang tak terhingga buat abang dan kakak-kakak yang banyak memberi nasihat dan kata-kata semangat apabila adikmu ini mengadu domba. Untuk adikku, terima kasih sebab sudi menjadi pendengar yang terbaik, teruskan usahamu, perjalananmu masih jauh. Semoga restu dan sokongan kalian mendapat ganjaran yang sewajarnya dari Rabbul Jalil.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua yang terlibat sehingga tesis ini disempurnakan. Semoga dikurniakan rahmat dan taufiq hidayah ilahi. Amin.

Faziela Binti Abu Bakar @ Che Din
F 398 Batu 2
Kampung Melaka
34200
Parit Buntar, Perak.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjuma pada 1 Februari 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Faziela binti Abu Bakar @ Che Din bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Unsur Emosi dan Konflik dalam Novel Komsas Pilihan" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlombagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali, PhD

Pensyarah Kanan

Universiti Malaya

Malaysia

(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 25 Mei 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Nik Rafidah binti Nik Muhammad Affendi, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Roslina binti Abu Bakar, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)


BUJANG BIN KIM HUAT, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh **09 JUN 2016**

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: Fazila Tarikh: 17/04/2017

Nama dan No. Matrik: Faziela Binti Abu Bakar @ Che Din (GS34021)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Prof. Madya Dr. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang,

Tandatangan

Nik Rafidah SELANGOR DARUL EHSAN

Nama Pengerusi
Jawatankuasa Penyeliaan

Tandatangan

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan : Roslina binti Abu Bakar, PhD

DR. ROSLINA ABU BAKAR
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang.

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI RAJAH	x

Bab

1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Batasan Kajian	7
1.6 Kaedah Kajian	7
1.7 Definisi Konsep dan Operasional	8
Psikologi	8
Emosi	9
Konflik	10
Novel	10
Remaja	11
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Kajian Lepas Mengenai Psikologi dalam Sastera	13
2.3 Kajian Lepas Mengenai Novel Remaja	15
2.4 Rumusan	21
3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	22
3.2 Reka Bentuk Kajian	22
3.3 Pendekatan Kajian	23
3.4 Kerangka Konsepsi	26
4 ANALISIS KAJIAN	
4.1 Pengenalan	27
4.2 Unsur Emosi	28
4.3 Unsur Konflik	58
5 KESIMPULAN	77

**BIBLIOGRAFI
LAMPIRAN
BIODATA PELAJAR**

79
86
90



SENARAI SINGKATAN

UPM	Universiti Putra Malaysia
UM	Universiti Malaya
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
S.W.T	Subhanallahu Wa Taala
S.A.W	Salallahu Alaihi Wassalam
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat

SENARAI SINGKATAN

UPM	Universiti Putra Malaysia
UM	Universiti Malaya
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
S.W.T	Subhanallahu Wa Taala
S.A.W	Salallahu Alaihi Wassalam
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1	25
Rajah 2	26

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sastera berkembang mengikut perubahan zaman dan tuntutannya. Keadaan ini memberi kesan terhadap erti sastera kepada kehidupan manusia khasnya golongan remaja. Kesusasteraan remaja merupakan wahana yang amat penting dalam usaha untuk mengisi sebahagian daripada keperluan remaja terutama daripada sisi pengisian minda, pembentukan sahsiah, kerohanian dan pemantapan psikologi. Umum mengetahui sastera remaja, terutamanya novel merupakan salah satu bahan bacaan yang mampu membina minda remaja seiring dengan usia mereka yang perlu diberi kebebasan tetapi dalam keadaan terbimbing (Nor Raudah Hj. Sireh, 2006: ix). Novel yang dihidangkan kepada khalayak pembaca mengandungi pelbagai kategori mengikut tahap kematangan intelektual individu. Beberapa orang sarjana negara ini mengkategorikannya kepada novel dewasa, novel remaja, novel kanak-kanak dan kini novel popular (Misran Rokimin, 2009:5).

Menurut Othman Puteh (1989:7) menjelaskan novel remaja ialah hasil karya kreatif yang ditulis oleh pengarang tanpa mengira batas usia, latar pendidikan, geografi, politik, ras dan kepercayaan asalkan ianya berbakat dan berminat. Seterusnya, Abdul Ahmad (1991: 10-13) berpendapat bahawa novel remaja menarik ciri nilai ‘rasa milik’ dunia remaja dalam diri khalayak. Nilai-nilai yang menjadi cerminan dan aspirasi dunia remaja disuguhkan melalui ulasan dan kupasan isu dan persoalan pada tahap kebolehan dan pengetahuan remaja. Berdasarkan pandangan di atas dapat dirumuskan bahawa novel remaja ialah hasil karya kreatif imaginatif yang membicarakan tentang persoalan kemanusiaan dan kemasyarakatan, budaya, politik dan ekonomi dalam kehidupan manusia yang merangkumi gambaran sosial yang sejajar dengan nilai dan aspirasi remaja.

Rahman Shaari (1997:12) pula menyatakan, novel remaja merupakan karya yang dihasilkan untuk bacaan remaja dan mudah difahami. Penulisannya mempunyai keseimbangan antara tema, aspek-aspek teknikal, berunsur moral dan berestetika yang bersesuaian dengan kemampuan remaja. Tema, bahasa dan strukturnya dipadankan dengan minda remaja tanpa mengira sama ada wataknya remaja atau dewasa. Tumpuannya untuk memenuhi kehendak masyarakat dan negara melalui unsur pendidikan serta pembentukan moral dalam membina insan yang cintakan negara

Seperti yang ketahui, kelompok remaja merupakan golongan terpenting dalam sesebuah Negara. Faridah Taib dan Nuraidah Ali (1995a:3) menyatakan kelompok ini akan meneruskan agenda pembangunan negara, mengambil alih kepimpinan masa akan

datang dan menjadi penggerak dalam pelbagai aktiviti seiring dengan arus pembangunan perdana. Ibrahim Mamat (1997: 3) pula menggaskan remaja adalah komponen pelapis dalam sebuah negara dan menjana pemantapan dalam bidang ekonomi, politik dan sosial yang mengisi ruang kehidupan masyarakat.

Oleh itu, remaja merupakan aset negara yang sangat bernilai. Hal ini kerana kelompok inilah yang bakal menjadi golongan intelektual, profesional, penyambung generasi dan mencorakkan negara pada masa hadapan. Golongan-golongan ini yang akan menguasai suasana dalam sesuatu perkara atau peristiwa, termasuklah dunia sastera yang semakin berkembang pesat kini. Hal ini disebabkan, perasaan ingin tahu golongan ini dalam mencuba sesuatu perkara yang baharu. Seperti yang kita sedia maklum, remaja sememangnya menyukai sesuatu yang baru dan ingin diterokainya.

Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada novel-novel remaja terpilih sebagai bahan kajian utama. Novel yang dipilih ialah novel *Azfa Hanami* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah, *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah, *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim, *Papa... (Akhirnya Kau Tewas Juga)* karya Deana Yusof dan *Cinta Madinah* karya Abu Hassan Morad. Novel ini dikategorikan sebagai novel remaja kerana novel ini digunakan untuk pelajar sekolah menengah sebagai teks KOMSAS. Seperti yang kita ketahui, novel KOMSAS khalayak pembacanya adalah golongan remaja yang berumur di antara 13 sehingga 17 tahun. Menurut Ohman Puteh (1989:35 & 45), istilah remaja dapat dirujuk kepada para pelajar yang berusia antara 12 hingga 20 tahun. Beliau membahagikan golongan remaja kepada tiga kelompok iaitu :

- a) Remaja awal (12-15 tahun) – Para pelajar di sekolah menengah rendah.
- b) Remaja pertengahan (15-18) – Para pelajar di sekolah menengah atas.
- c) Remaja akhir (19-20 tahun) – Para pelajar di prauniversiti, matrikulasi, maktab perguruan dan tingkatan enam.

Komponen Sastera dalam matapelajaran bahasa Melayu (KOMSAS) telah dilaksanakan di semua sekolah menengah mulai tahun 2000. Pada tahun 2001, komponen ini mula diuji dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelaksanaan komponen ini bukanlah sesuatu yang baru tetapi merupakan lanjutan daripada unsur sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang telah diperkenalkan pada tahun 1984. Genre sastera yang diketengahkan dalam KOMSAS ialah novel, cerpen, drama, prosa tradisional dan sajak. Aspek-aspek sastera yang perlu dipelajari oleh pelajar pula seperti sinopsis, tema, persoalan, plot, watak dan perwatakan, nilai-nilai kemanusiaan, gaya bahasa dan lain-lain lagi.

Novel KOMSAS remaja yang dipilih ini, telah mencetuskan beberapa rasa tidak puas hati beberapa pengkritik, penggiat sastera, para sarjana dan lain-lain apabila teks-teks ini dijadikan sebagai bahan bacaan pelajar sekolah. Ada sesetengah individu

beranggapan bahawa novel-novel ini tidak menepati objektif dan tidak sesuai untuk digunakan sebagai bahan bacaan pelajar. Antara kritikan-kritikan ialah “Berikan Intan Bukannya Kaca” (*Berita Harian*, 14 Ogos 1999), “Kementerian diminta Umum Cir Pemilihan” (*Berita Harian*, 15 Ogos 1999), “Pemilihan Teks Menyimpang” (*Berita Harian*, 16 Ogos 1999), Pemilihan Teks Sastera Masih Dipersoal” (*Berita Harian*, 24 September 1999), “Kemelut Teks KOMSAS” (*Berita Harian*, 15 April 2011), “Sengsara’ Cinta Madinah (*Berita Harian*, 26 September 2011), “Dua Teks KOMSAS Tingkatan Tiga dirombak” (*Berita Harian*, 5 Januari 2012).

Berdasarkan kepada novel-novel remaja yang dipilih pengkaji akan melihat bahan kajian ini dari sudut emosi dan konflik. Emosi dan konflik merupakan teman yang paling akrab dalam kehidupan manusia yang sering kali terjadi tidak kira masa, waktu, bila dan di mana.

Emosi sangat penting bagi manusia, kerana ia mencorakkan kehidupan manusia. Tanpanya manusia seperti sebuah jentera atau alat yang hanya tahu menjalankan tugasnya sahaja. Emosi ialah perasaan yang dialami oleh seseorang, sama ada yang menggembirakan atau tidak. Ia adalah perkara dalaman (*internal state*) yang mempengaruhi tingkah laku luaran dengan kebiasaannya muncul secara tiba-tiba dan sukar untuk dikawal. Menurut Wortman and his friends yang dipetik oleh Ab. Aziz Mohd Zin (1999: 318) dalam bukunya *Psikologi Dakwah* mendefinisikan emosi sebagai bentuk-bentuk reaksi dengan perubahan pada tubuh badan psioligi yang digambarkan pada tingkah laku yang bermatlamat dan pengalaman-pengalaman yang berbentuk fikiran secara umum.

Perasaan emosi ini akan melahirkan tingkah laku seseorang yang bersesuaian seperti takut melahirkan rasa keinginan lari atau menarik diri dari sesuatu keadaan. Terperanjat melahirkan terhenti dan kaku. Marah melahirkan menyerang atau mengigit. Sedih melahirkan menangis dan meminta pertolongan (Mahmood Nazar, 1990:330).

Manakala konflik pula menurut Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad, et al, 1988 : 157), merupakan suatu pertentangan atau perjuangan yang timbul daripada keadaan saling bertindak antara dua kuasa yang berlawanan dalam plot sesebuah cerita. Konflik merupakan peringkat yang menimbulkan unsur-unsur ketegangan dan menarik perhatian dalam sebarang bentuk cecra sama ada di dalam drama, novel atau cerpen. Konflik merupakan perkara lumrah yang terjadi dalam kehidupan. Hidup tanpa konflik bukanlah kehidupan yang sebenarnya sekiranya hanya bersifat statik sahaja. Konflik menjadikan manusia itu dinamik dan berubah untuk menjadi yang lebih baik dalam sesuatu keadaan. Selain itu juga, konflik membantu kita memahami erti kehidupan sebenar dan dapat mematangkan diri kita.

Selain Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad, et al, konflik menurut C. Hugh Holman (1972 : 118-119) pula ialah :

"the struggle which grows out of the interplay of the two opposing forces in a plot. It is conflicts which provides the elements of interest and suspense in any form of fiction, whether it be a drama, a novel or a short story. At least one of the opposing forces is usually a person".

Menurutnya, istilah konflik ini bukan setakat membayangkan pergelutan atau pertentangan seorang protagonist terhadap manusia lain atau terhadap sesuatu, tetapi juga menyusulkan ada wujusnya motivasi atau maklumat yang ingin dicapai disebalik konflik yang terjadi dalam diri watak itu.

Justeru itu, kajian ini akan memfokuskan jenis-jenis emosi dan jenis-jenis konflik yang terdapat dalam novel remaja pilihan dengan berlandaskan Teori Humanistik Abraham Maslow.

1.2 Penyataan Masalah

Pengkajian terhadap genre novel memang tidak asing lagi dalam kalangan sarjana Barat dan tempatan. Genre novel ini mendapat perhatian yang ramai kerana terdapat pelbagai skop yang menarik boleh dikaji. Sifat karya sastera yang subjektif dan terbuka kepada pelbagai terjemahan menyebabkan banyak sekali pertikaian yang mungkin wujud apabila sesuatu karya itu diangkat tidak kira sama ada dalam pertandingan mahupun sebagai teks kajian. Persoalan di sini sama ada novel-novel yang telah dipilih itu sememangnya sesuai dan mudah dibaca, atau sebaliknya.

Kajian pengkaji berdasarkan kepada lima buah novel iaitu novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah terbitan Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Novel ini digunakan untuk pelajar tingkatan empat di zon 1 yang meliputi negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Novel kedua ialah novel *6:20* karya Siti Jasmina binti Ibrahim terbitan Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Novel ini digunakan untuk pelajar tingkatan tiga di zon 1 yang meliputi negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Novel lain ialah novel *Papa...Akhirnya Kau Tewas Jua* karya Deana Yusof terbitan Pekan Publications Sdn. Bhd. Novel ini digunakan untuk pelajar tingkatan empat di zon 2 yang meliputi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan. Jika dilihat dari sudut judul, novel ini digambarkan mempunyai unsur negatif apabila dilihat kekecewaan seorang bapa. Judul seterusnya, novel *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah terbitan Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Novel ini digunakan untuk pelajar tingkatan tiga di zon 2 yang meliputi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan. Novel yang terakhir

ialah novel *Cinta Madinah* karya Abu Hassan Morad terbitan Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Novel ini pada mulanya bakal digunakan oleh pelajar tingkatan tiga mulai tahun 2012 di zon 3 tetapi di tarik balik. Berdasarkan kepada pemilihan pengkaji didapati novel yang dipilih telah mendapat pelbagai kritikan dan pendapat daripada sarjana, pengarang, penggiat sastera dan lain-lain.

Novel-novel ini telah mencetuskan beberapa rasa tidak puas hati beberapa pengkritik, sasterawan dan pengkaji sastera khususnya novel. Novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah misalnya, telah mendapat kritikan daripada Fatimah Busu yang merupakan bekas pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) menyatakan, terdapat naskah kajian yang dijadikan sebagai teks kajian sekolah tidak langsung sesuai di angkat sebagai teks kerana tidak memaparkan unsur moral yang baik bagi pembentukan modal insan. (*Berita Harian*, 15 April 2011). Selain itu, Naffi Mat yang merupakan seorang ahli panel Forum Kesusasteraan Melayu Teras Pembinaan Peradaban dan Negara menyatakan bahawa dua teks kajian KOMSAS tingkatan tiga telah di rombak isinya. Novel tersebut ialah *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah dan 6:20 karya Siti Jasmina Ibrahim. Novel *Merenang Gelora* telah di rombak sebanyak 80 peratus isinya yang pada mulanya berkisarkan kepada kisah pengedaran dadah di sekolah kepada penjualan telefon bimbit. Manakala teks 6:20 pula hanya di rombak sebanyak 30 peratus sahaja. (*Berita Harian*, 05 Januari 2012). Novel *Cinta Madinah* karya Abu Hassan Morad turut terkena tempiasnya apabila novel ini telah di tarik balik pencetakannya walaupun sudah berada di fasa terakhir penyuntingannya. Hal ini kerana, dikatakan novel ini terlalu islamik sekaligus tidak menepati ciri-ciri 1 Malaysia yang diingini oleh pihak kementerian. (*Berita Harian*, 26 September 2011)

Berdasarkan isu-isu yang dikemukakan timbul kepincangan dalam novel remaja tersebut. Adakah aspek psikologi remaja tidak dititikberatkan? Hal ini kerana penerapan aspek psikologi sangat penting dalam sesbuah karya sastera remaja. Adakah novel-novel ini hanya dihalusi dari pandangan mata orang dewasa semata-mata tanpa melihat dari kaca mata fenomena yang berlaku atau adakah novel-novel ini tidak sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan remaja atau sebaliknya.

1.3 Objektif Kajian

Penghasilan sesebuah pengkajian sudah semestinya mempunyai matlamat yang ingin digapai oleh pengkajinya. Oleh sebab itu, berdasarkan kepada pengkajian ini, objektif pengkaji dalam menghasilkan kajian mengenai unsur emosi dan konflik dalam novel remaja KOMSAS pilihan adalah :

1. Untuk mengenalpasti unsur emosi dan konflik bagi memenuhi keperluan remaja melalui novel KOMSAS pilihan.
2. Untuk menganalisis emosi positif dan negatif bagi memenuhi keperluan remaja melalui novel remaja KOMSAS pilihan.

3. Untuk menganalisis konflik yang dialami oleh watak dalam novel remaja KOMSAS pilihan.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan menjadi penting kepada pihak tertentu sama ada secara langsung atau tidak, kerana kajian ini akan membuatkan para pengkaji ingin meneroka tentang unsur emosi dan konflik dalam novel remaja yang digunakan oleh pengarang dalam karyanya.

Kepentingan kajian kepada dunia ilmu pula dapat menambahkan lagi jumlah bilangan kajian yang berkaitan dalam bidang yang dikaji dan dapat memberi sumbangan yang besar kepada bidang penulisan akademik terutamanya dalam kajian unsur psikologi dalam novel remaja agar lebih berkembang dan meluaskan kajian akademik. Selain itu, kajian ini dapat memberikan sedikit gambaran kepada umum mengenai kajian ini serta memberikan sedikit panduan dan rujukan untuk menambahkan ilmu pengetahuan mengenai bidang kajian ini. Selain itu, kajian ini diharap dapat memperkayakan ilmu amnya. Semoga kajian ini dijadikan rujukan kepada pengkaji-pengkaji akan datang yang berminat membuat kajian tentang unsur emosi dan konflik.

Kepentingan kajian kepada dunia sastera tanah air atau khalayak pula ialah segala maklumat baharu yang ditemui dapat membantu khalayak dan peminat sastera dalam perkembangan terbaru dan mutakhir dunia sastera tanah air. Selain itu, mereka dapat mengetahui mengenai unsur emosi dan konflik yang terdapat dalam dalam sesebuah karya. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada khalayak khususnya kepada khalayak yang meminati bidang kesasteraan Melayu khususnya dalam genre novel. Hal ini kerana, khalayak akan mendapat serba sedikit maklumat baru yang ditemui seperti unsur emosi dan konflik yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian yang dikaji.

Kepentingan kajian ini kepada negara atau sesebuah organisasi, universiti atau fakulti pula, kajian ini juga bukan sekadar menjadikan individu yang terlibat dalam bidang sastera mengikuti kajian-kajian ilmiah ini tetapi semua golongan daripada pelbagai bidang seperti sains, ahli politik, serta pelbagai lapisan dan masyarakat dalam mengenali sastera. Selain itu, dapat menambah koleksi kajian projek ilmiah dan tesis dalam sesebuah fakulti seterusnya memberi bantuan kepada pelajar-pelajar akan datang mendapatkan rujukan dan pengetahuan.

Kepentingan kepada diri pengkaji sendiri, kajian seperti ini merupakan suatu pendedahan awal kepada pengkaji. Kajian mengenai unsur psikologi dalam novel remaja ini akan dapat menambahkan pengetahuan kepada diri pengkaji. Selain itu

juga, pengkaji dapat berkongsi dengan pembaca dan khalayak dengan segala ilmu yang diperoleh oleh pengkaji semasa menjalankan kajian ini. Kekurangan-kekurangan yang terdapat dalam kajian ini mungkin akan diperbaiki oleh pengkaji-pengkaji akan datang. Sesungguhnya keteguhan tembok ilmu kepustakaan sesuatu bangsa itu tidak terbina sempurna dalam sekilip mata, tetapi ia terbina hasil daripada timbunan usaha yang gigih, kelemahan dan ketajaman otak daripada pelbagai zaman.

1.5 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah membataskan kajian kepada novel remaja sahaja. Novel remaja yang dipilih ini akan dilihat daripada aspek emosi dan konflik. Kelima-lima buah novel ini dipilih berdasarkan kepada pertentangan pendapat dalam kalangan masayarakat, golongan akademik, sasterawan, badan bukan kerajaan dan lain-lain lagi. Antara judul novel remaja yang dikaji adalah seperti dalam jadual 1 di bawah :

Bil.	Judul Novel dan Pengarang	Terbitan	Tahun
1.	<i>Azfa Hanani</i> (Halim Azhan Mohd Hanafiah)	Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd	1995
2.	<i>6:20</i> (Siti Jasmina Ibrahim)	Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd	2001
3.	<i>Cinta Madinah</i> (Abu Hassan Morad)	Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd	2001
4.	<i>Merenang Gelora</i> (Ruslan Ngah)	Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd	2002
5.	<i>Papa... (Akhirnya Kau Tewas Juai)</i> (Dcana Yusof)	Pekan Ilmu Publication Sdn Bhd.	2009

Jadual 1 : Judul novel remaja yang dikaji

1.6 Kaedah Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, kaedah kualitatif digunakan dalam kajian. Bogdan dan Taylor (dalam Moleong, 2004: 4) mendefenisikan kaedah kualitatif sebagai prosedur penelitian yang menghasilkan data deskriptif yang berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang yang berperilaku dan perilaku yang dapat diamati. Selanjutnya, Williams (dalam Moleong, 2004: 5) menulis bahawa penelitian kualitatif adalah pengumpulan

data pada sesuatu latar alamiah, dengan menggunakan kajian alamiah, dan dilakukan oleh orang atau pengkaji yang tertarik secara alamiah.

Manakala, untuk melihat aspek dalaman novel remaja ini, pengkaji merasakan wajar kaedah kumpul data digunakan untuk menganalisis isi dalam teks yang digunakan. Kebanyakan sumber yang dijadikan rujukan, dirujuk daripada buku-buku, akhbar-akhbar, kertas kerja dan rujukan yang lain. Justeru, dalam mengukuhkan lagi kajian ini, pengkaji akan menggunakan sebuah teori Psikologi dalam menganalisis kajian ini.

1.7 Definisi Konsep Dan Operasional

Dalam meneroka unsur emosi dan konflik dalam novel remaja KOMSAS pilihan secara lebih mendalam dan terperinci, pengkaji akan memberi definisi kepada setiap istilah yang digunakan berdasarkan tajuk kajian. Istilah dan konsep yang didefinisikan dirujuk berlandaskan kepada bahan-bahan rujukan dan kutipan daripada pendapat sarjana. Antaranya istilah-istilah utama yang diberikan penekanan seperti:

Psikologi

Psikologi dari segi bahasa ialah, psikologi adalah hasil gabungan dua perkataan Greek tua iaitu *psyche* dan *logy*. *Psyche* bermaksud jiwa atau roh manakala *logy* bermaksud ilmu tentang sesuatu perkara. Maka psikologi dapat didefinisikan sebagai ilmu pengetahuan tentang jiwa, tidak terbatas pada jiwa manusia sahaja akan tetapi termasuk juga jiwa binatang dan sebagainya (H.M Arifin, 1977: 23).

Selain itu, Dennis Child yang dipetik oleh Mohd. Salleh Lebar (1999: 3) dalam buku *Memahami Psikologi*, yang merupakan seorang ahli psikologi dari Amerika menerangkan definisi psikologi sebagai:

Psikologi merupakan satu ilmu yang mengakaji secara sistematis proses-proses yang berlaku di dalam diri mereka, termasuk yang dapat dilihat atau tidak, yang kemudian mempengaruhi tingkah laku manusia.

Seorang lagi ahli falsafah dan juga seorang doktor dari Amerika iaitu Willian James yang dipetik oleh Gillian Butler dan Freda McManus (1998: 1) mendefinisikan psikologi sebagai :

the science of mental life

2

Selain itu, Henry L. Roediger dan rakan-rakan (1984) menjelaskan definisi yang hampir sama maksudnya iaitu :

Psychology may be defined as the systematic study of behavior and mental life.

Menurut Clifford T. Morgan yang dipetik oleh Sarlito Wirawan Sarwono (1976: 9) menyatakan psikologi ialah ilmu yang mempelajari tingkah laku manusia dan haiwan.

Mengikut Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah (2001:1-2) dalam bukunya *Psikologi* istilah Psikologi berasal daripada dua istilah iaitu *psyche*, yang mengikut Aristotle sebagai intipati kehidupan dan dalam bahasa sehari-hari kita dikatakan sebagai jiwa; dan *logos*, yang dirujuk sebagai ilmu atau sains. Secara amnya, psikologi bererti sains atau ilmu yang mengkaji jiwa. Namun demikian konsep psikologi sekarang adalah lebih khusus iaitu didefinisikan sebagai sains yang mengkaji tingkah laku atau proses mental.

Menurut *Kamus Dewan* (2007:1237) edisi keempat menyatakan psikologi merupakan kajian tentang proses mental dan pemikiran, terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia dan haiwan.

Berdasarkan kepada definisi-definisi di atas dapat disimpulkan bahawa psikologi merupakan ilmu yang mengkaji secara saintifik tentang tingkah laku manusia sama ada yang dapat dilihat atau tidak.

Emosi

Muhammad Uthman Najati (1993:73) menyatakan emosi merupakan bangkitan perasaan dan rasa dalaman hasil tindak balas seseorang terhadap sesuatu perkara, pengalaman dan peristiwa yang berlaku seperti emosi takut, marah, kecewa, gembira, suka dan kasih sayang. Manakala menurut Kasmini Kassim (1998:15) pula, emosi secara umumnya ialah perasaan. Manusia merupakan golongan benda hidup yang mempunyai perasaan yang tinggi dan halus.

Emosi merupakan sesuatu perasaan atau reaksi yang ditonjolkan kepada seseorang atau berlaku sesuatu kejadian (Frieda, 1993: 381). Seterusnya, Robbins (2008:311) menyatakan emosi sangat diperlukan untuk memotivasi seseorang dalam menjalani kehidupan. Namun demikian, emosi juga sering menjadi faktor seseorang melakukan perubahan dalam kehidupannya. sebagai contoh, apabila kita ingin melakukan sesuatu perubahan akan timbul pelbagai perasaan takut, ragu dengan apa yang akan berlaku di kemudian hari.

Berdasarkan kepada definisi yang dinyatakan dapat disimpulkan emosi merupakan satu keadaan yang kompleks melibatkan gabungan komponen subjektif, fisiologi dan ekspresif yang sentiasa memberi kesan terhadap satu sama lain.

Konflik

Perkataan *conflict* berasal dari akar kata Latin *com* yang bermaksud bersama dan *fligere* pula bererti untuk membangkitkan penentangan. Perkataan *conflict* inilah datangnya perkataan ‘konflik’ dalam bahasa Melayu. Konflik diertikan dalam bahasa Melayu sebagai bertengangan, berlawanan, berlainan pandangan atau pendapat (Abdul Rahman Abdul Aziz, 2000:173).

Menurut Malike Brahim (2008:12) pula, konflik merupakan suatu fenomena yang bersifat subjektif yang gagal dikesan pada peringkat awal kewujudannya.

Novel

Menurut Anthony Burgess (1971: 16) Istilah novel dipinjam daripada bahasa Inggeris yang berasal daripada perkataan *novella* yang merupakan bahasa Itali yang membawa maksud sesuatu cerita dalam bentuk prosa panjang dan mempunyai isi yang tertentu dalam bentuk realiti. Menurut Arbai'e Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2006:62) pula, novel adalah karya prosa dan karya fiksyen yang panjang di dalamnya terdapat watak, latar, plot dan unsur-unsur fiksyen yang lain. Jalan cerita dalam novel berkembang melalui peringkat eksposisi, konflik, klimaks dan peleraian. Dalam novel ini juga terbentuknya sub-sub plot yang akhirnya berhasil satu bentuk tulisan yang panjang. Walaupun begitu, setiap satunya saling berkait dan berhubungan. Watak yang dipilih pula adalah pelbagai dan bersifat rencam selaras dengan pola dan bentuk penceritaan yang kompleks juga sifatnya.

Selain itu, novel menurut S. Othman Kelantan (1987:16) menjelaskan novel sebagai rakaman kehidupan manusia yang dilakarkan dalam bahasa kreatif yang mencakupi pelbagai masalah kehidupan dengan liku-liku yang dapat dilihat secara zahir atau batin. Ia turut merangkumi masalah kepercayaan dan iman kepada Tuhan, keraguan dan segala bentuk pemikiran yang telah digarapkan dengan imaginasi fantasi penulis.

Safian Hussien (1988:205) pula menakrifkan novel sebagai kisah rekaan yang panjang dalam bentuk prosa. Novel baru sahaja diperkenalkan kepada masyarakat Melayu di Malaysia pada awal abad ke-20. Istilah novel sebenarnya berasal daripada perkataan ‘*novelia*’ dalam bahasa Itali yang membawa maksud “perkhabaran baru” atau “cerita pendek”.

Selain Safian Hussien, Hashim Awang (1990: 64) pula mendefinisikan novel sebagai proses cereka yang panjang yang menceritakan kisah hidup manusia pada suatu tempat dalam satu-satu masa tertentu untuk memaparkan satu-satu persoalan yang menarik.

Selain itu, novel didefinisikan sebagai suatu laporan yang lengkap tentang pengalaman manusia dan kerana itu ia mempunyai tanggungjawab untuk memuaskan pembacanya dengan memberikan perincian-perincian cerita seperti mengenai perihal watak, peristiwa dan sebagainya. Ian menyatakan ‘pengalaman manusia’ adalah pokoknya dan juga unsur ‘perincian’ sebagai penyusunan tentang pengalaman manusia (Ian Watt, 1972 dalam Sufian Hussin 1988 : 205).

Berdasarkan kepada pendapat-pendapat tokoh di atas dapat disimpulkan bahawa sesebuah novel samaada novel kanak-kanak, remaja mahupun dewasa lazimnya mengungkapkan kisah-kisah kehidupan manusia yang menggambarkan sifat realitinya terutama berkaitan watak, tema, corak pemikiran dan lain-lain lagi. Hal ini selari diperkatakan oleh Wellek dan Warren (1970: 216), bahawa novel merupakan satu gambaran kehidupan dan sifatnya realistik.

Remaja

Konsep remaja atau *adolescent* berasal daripada kata kerja Latin *adolescere* yang bermaksud meningkat secara beransur-ansur kepada kematangan tubuh badan jantina, emosi dan akal pemikiran (Mustafa Fahmi, 1996: 111). Sebenarnya, kajian tentang ramaja dan zaman remaja merupakan satu fenomena abad kedua puluh serta merupakan satu bidang sains yang masih baru. Wujud pelbagai takrif tentang siapakah remaja, dan bilakah period remaja bermula dan berakhir dalam pelbagai perspektif yang berbeza, antaranya perspektif biologi, psikologi, sejarah, sosiologi dan antropologi serta pendefinisian mengikut kronologi umur.

Sementara itu, Ibrahim Mamat (1997: 5) pula menjelaskan remaja ialah masa kehidupan anak muda yang mengalami pelbagai pancaroba dan sering dikaitkan dengan konsep juvana. Menurut Othman Puteh (1989: 35 & 45), istilah remaja dapat dirujuk kepada para pelajar yang berusia antara 12 hingga 20 tahun. Beliau membahagikan golongan remaja kepada tiga kelompok iaitu :

- a. Remaja awal (12-15 tahun) – Para pelajar di sekolah menengah rendah.
- b. Remaja pertengahan (15-18) – Para pelajar di sekolah menengah atas.
- c. Remaja akhir (19-20 tahun) – Para pelajar di prauniversiti, matrikulasi, maktab perguruan dan tingkatan enam.

Asmah Bee et al (1995:6 &7) bersetuju bahawa tahap remaja bermula daripada antara umur 12 atau 13 tahun dan berakhir apabila individu tersebut melangkah ke usia awal 20-an atau pertengahan 20-an. Periode remaja dikatakan berakhir apabila individu mampu menyara diri mereka sendiri, telah mempunyai kerjaya yang tetap, berkahwin dan membina keluarga serta layak mengundi.

Menurut pandangan Zakiah Daradjat (seorang ahli psikologi dan kemanusiaan), remaja ialah seseorang yang berumur di dalam lingkungan 13 atau 14. Ditambah pula oleh perubahan yang lain seperti keadaan fizikalnya yang membesar (Zakiah Daradjat, 1973: 52). Manakala definisi remaja mengikut Yusuf Zaky Yacob (1979:287), adalah satu peringkat tertentu di dalam kehidupan manusia yang bermula dari sekitar usia 13 tahun dan berlanjutan sehingga sekitar 21 tahun.

Dalam bukunya, *Remaja Harus Mengetahuinya*, W.S Turambi (1996:21-29) membahagikan zaman remaja kepada tiga tahap. Bermula dengan tahap akil baligh dan remaja awal (sekitar umur 11-13 tahun), tahap remaja menengah (14-16 tahun) dan tahap remaja akhir (17-20 tahun). Dalam tahap remaja, berlaku kematangan fizikal, emosi dan mental dalam diri remaja.

Dari perspektif Islam pula, tidak ada dinyatakan istilah remaja secara khusus. Namun golongan tersebut termasuk dalam kategori pemuda yang seringkali dinyatakan dengan pengertian bahasanya iaitu *syabab* atau *fataa*. Manakala manurut istilah pula, remaja atau pemuda ini membawa erti satu peringkat umur manusia yang bermula daripada akil baligh sehingga menjelang akhir usia 30an (Fuad Ifrah al-Bustani, 1982: 352)

Imam Al-Ghazali (1967: 10) mendefinisikan remaja sebagai golongan yang mencapai peringkat baligh iaitu ketika manusia telah dianggap mempunyai akal yang sempurna dan perkembangan akalnya telah matang sehingga mampu untuk menguasai sesuatu dengan sendiri.

Daripada beberapa definisi umum yang telah dinyatakan definisi remaja tadi, dapat disimpulkan bahawa remaja merupakan golongan yang berada pada zaman transisi di antara zaman kanak-kanak dan remaja. Manakala dari perspektif Islam pula dapat disimpulkan bahawa Islam menggunakan pengukuran akil baligh dalam mendefinisikan remaja dan ukuran tersebut menjadi piawaian untuk menentukan seseorang itu telah mencapai tahap remaja atau akil baligh ini menjadi titik pemisah di antara alam kanak-kanak dengan alam remaja. Di samping itu secara umumnya, Islam tidak menentukan batasan umur remaja. Namun begitu, biasanya peringkat itu dirujuk pada sekitar usia lewat remaja iaitu antara peringkat umur 25 hingga 30 tahun.

global. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan psikologi Perkembangan Kanak-kanak kerana kajian ini memfokuskan kepada aspek akhlak dalam sastera kanak-kanak. Namun demikian kajian Norlizah hanya menjuruskan bahan kajiannya kepada teks-teks tahun 4 sahaja iaitu *Leman Si Penjual Kuih* karya Shafie Abdul Rahman, *Berani Kerana Benar* karya Nur Alen Amer dan *Terima Kasih Pak Uteh* karya Hakimi Muhammad.

Seterusnya, kajian yang dibuat oleh Halimatum Adawiah Ramli [seterusnya Halimatum Adawiah] kajian berkaitan *Watak Abnormal dari Aspek Psikologi dalam Novel Remaja* yang diajukan bagi mendapatkan Ijazah Master Sastera di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (2011). Kajian ini memfokuskan kepada objektif utamanya iaitu menganalisis watak abnormal dari aspek psikologi, membincangkan faktor-faktor mempengaruhi perwatakan abnormal dan menjelaskan kekerapan watak abnormal dalam novel remaja. Novel kajian yang digunakan ialah sebanyak empat buah iaitu novel remaja *Sesejuk Maaf Di Kalbu* (2009) oleh Nor Atiqah Ghazali, *Igauan Semalam* (2009) oleh Hani El Zahra, *Cerita Adam* (2004) oleh Baharuddin Kahar dan *Nama Aku N* (2008) oleh Aina Emir. Hasil kajian ini telah menemukan beberapa faktor yang mempengaruhi perwatakan abnormal antaranya berpunca daripada kegagalan institusi kekeluargaan, kekurangan kasih sayang, pendidikan, pengaruh rakan sebaya dan sebagainya. Walaubagaimanapun, kajian ini dilihat dari aspek psikologi, pengkjinya Halimatum Adawiah melihat dari aspek psikologi abnormal dengan menggunakan novel remaja yang berlainan pengarang.

Kajian di peringkat Jurnal

Selain itu, Ratna Roshida Abd. Razak (2008) [seterusnya Ratna] dengan kajiannya yang bertajuk *Eskpresi Sepi Seorang Wanita Tua dalam Sangeetha : Satu Pendekatan Psikologi Kemanusiaan* yang diterbitkan dalam Jurnal *Akademika* bil. 72 mengupas mengenai kisah cinta yang terpendam antara warga India, Sangeetha dan scorang lelaki Melayu, Deros. Kajian ini menggunakan novel *Sangeetha* karya Azizi Hj. Abdullah sebagai bahan kajian. Untuk mengukuhkan lagi kajian ini Ratna menggunakan teori psikologi kemanusiaan dalam menganalisis kajiannya. Menurut Ratna khalayak akan dapat memahami aspek psikologi yang meliputi sikap, tindakan dan perilaku yang terjadi antara watak Sangeetha dan Deros.

Seterusnya kajian oleh Halimatum Adawiah Ramli dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2010) [seterusnya Halimatum dan Nik] dalam jurnal *Aswara* jilid 5 yang bertajuk *Keceluaran Psikologi dalam Novel-Novel Remaja Pilihan* memfokuskan kajian mengenai watak abnormal dalam novel yang dikaji. Halimatum dan Nik menggunakan empat buah novel remaja iaitu *Sesejuk Maaf Di Kalbu* (2009) oleh Nor Atiqah Ghazali, *Igauan Semalam* (2009) oleh Hani El Zahra, *Cerita Adam* (2004) oleh Baharuddin Kahar dan *Nama Aku N* (2008) oleh Aina Emir. Hasil kajian ini, ditemui keceluaran psikologi yang terdapat dalam kajian ini ialah psikosis, neurosis dan nervous disease. Hasil kajian mendapati novel *Sesejuk Maaf Di Kalbu* diungkapkan

oleh pengarangnya yang sarat dengan watak-wataknnya yang mengalami keceleruan psikologi. Walaubagaimanapun, kajian ini dilihat dari aspek psikologi, Halimatum dan Nik melihatnya dari aspek psikologi abnormal dengan menggunakan novel remaja yang berlainan pengarang.

Selain itu, kajian lain yang dilakukan oleh Mior Muhammad Saiful Nizan Muhd Saali, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Arba'ie Sujud (2012) yang bertajuk *Refleksi Penyataan Psikologi Abnormal dalam Cerpen-cerpen Remaja* dalam *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*. Kajian ini membicarakan mengenai kekerapan penyataan psikologi abnormal yang dinyatakan oleh pengarang sastera remaja dan punca terjadinya keabnormalan manusia. Pengkaji menggunakan cerpen sebagai bahan utama kajian. Cerpen yang digunakan seperti *Perjalanan Jarum* karya Tung Wai Chee, *Selamat Tinggal* karya Adrian Wong Yew Chong, *Bukan Gurauan Cuma* karya Serinah Japar, *Tidak Semudah Itu* karya Noorulazuaqy Ahmad, *Gejolak Jiwa* karya Jeffrey Jaidin dan *Semangat Fansuri* hijkarya Siti Zarina Md. Israsy.

Seterusnya kajian oleh Amida Haji Abdulhamid (2004) [seterusnya Amida] dalam kajiannya yang bertajuk *Persoalan Dendam Dalam Sastera Melayu*. Kajian ini, Amida meneliti antara hubungan emosi dengan sentimen sosial sesebuah masyarakat. Menurut beliau, tindakan-tindakan yang berhasil daripada emosi, dikatakan meninggalkan pengaruh kepada sesebuah masyarakat. Amida turut menyentuh persoalan amuk orang Melayu, dengan berpendapat bahawa budaya Melayu terkenal dengan perlakuan amuk.

2.3 Kajian Lepas Mengenai Novel Remaja

Kajian di peringkat Doktor Falsafah

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dalam tesisnya yang bertajuk *Pemikiran dan Teknik Penceritaan dalam Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu* yang diajukan bagi memperolehi Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia (2005). Kajian ini memfokuskan kepada pemikiran dan teknik penceritaan dalam novel-novel komponen sastera bahasa Melayu. Bahan kajian yang digunakan ialah novel-novel komponen sastera yang didasarkan kepada 4 zon di Malaysia sebanyak 20 buah novel. Kajiannya dilihat dari aspek pemikiran merangkumi aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Manakala teknik penceritaan pula merangkumi teknik pemerian, dialog, monolog dan monolog dalaman, imbas kembali, imbas muka, ketegangan dan unsur kejutan. Kajian ini diperkuatkan lagi dengan menggunakan pendekatan psikologi dan etika. Kajian oleh Nik Rafidah pula tertumpu kepada novel-novel KOMSAS pada peringkat pertama sahaja sedangkan kini novel KOMSAS telah memasuki fasa kedua. Novel yang digunakan untuk fasa kedua juga sudah berubah. Justeru pengkaji berpendapat perlunya kajian terhadap novel KOMSAS fasa kedua pula.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Zin Mohd. Zin. *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 1999.
- Abd. Rahim Ab Rashid. *Wawasan dan Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2000.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. *Kemahiran Sosial Asas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2000
- Abu Hassan Morad. *Cinta Madinah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2001.
- Abdul Ahmad. *Sastera Remaja Antara Ciri dan Fungsi*. Dewan Sastera, Julai 1991:10-13.
- Abdul Ghani Abdullah, Abdul Rahman Abdul Aziz dan Abdul Rashid Mohamed. *Humor Dalam Pengajaran*. Pahang: PTS Professional, 2007.
- Abdul Salam Yussof. *Imam Al-Ghazali Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2003.
- Abdullah Hussin. *Interlok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
- Abdullah Nashih Ulwan. *Pendidikan Anak dalam Islam: Pendidikan Sosial Anak*. Bandung: Remaja Rosdakarya, 1996.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. *Ihya 'Ulum al Din. Juz 2&3*. Mesir: Al-Qahirah Matabi Subh al-Arab, 1967.
- Amida Abdul Hamid. *Novel Remaja: Kekuasaan, Watak dan Penulis Wanita*. Prosiding Sastera Sastera dan Kekuasaan. Tanjung Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia, 4-5 Oktober 2013.
- Amida Abdul Hamid. *Persoalan Dendam dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2004.
- An-Najwa Ismail. *Kasih Sayang Kunci Kebahagiaan*. Selangor: Galeri Watikah, 1988.
- Arbai'e Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Asiah Abdul Rahman. *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd, 2010.
- Asmak Hj. Ali. *Salah Laku Sosial Remaja Masa Kini : Cabaran dan Penyelesaiannya*. Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru, 2001.
- Arief Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar. *Remaja Sukses: 13 Formula Hidup Sukses Untuk Remaja*. Pahang: PTS Millenia Sdn. Bhd, 2005.
- Azizi Yahaya et al. *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2005.

- Azizi Yahaya et al. *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd, 2006.
- Azizi Yahaya dan Nurulhuda Azizi. *Masalah Sosial Dalam Kalangan Remaja*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2008.
- Basri Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari, Mohd Safri Al-Azhari & Ahmad Tarmizi Taha Al-Azhari. *Pembersihan Jiwa Menurut Al-Quran, Al-Sunnah dan Amalan Salafus Salih*. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd, 2013.
- Burgess, Anthony. *The Novel Now*. London: Faber and Faber, 1971.
- Butler, Gillian and McManus, Freda. *Psychology: A Very Short Introduction*. New York: Oxford Press, 1998.
- Faridah Taib dan Nuraidah Ali. *Gejala Keruntuhan Akhlak di Kalangan Remaja*. Petaling Jaya: Penerbitan Pinang, 1995.
- Fuad Ifrah Al-Bustani. *Mu'jam al-Thulab*. Beirut: Dar Masyriq, 1982.
- Frieda, N.II. *Moods, Emotion Episodes and Emotions*. New York: Guilford Press, 1993.
- Halimatum Adawiah Ramli. *Watak Abnormal Dari Aspek Psikologi Dalam Novel Remaja*. Tesis Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2011.
- Halimatum Adawiah Ramli dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. *Kecelaruan Psikologi dalam Novel-Novel Remaja Pilihan*. Jurnal ASWARA, Jilid 5, Bil. 2, 2010.
- Halis Azhan Mohd Hanafiah. *Azfa Hanani*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 1995.
- Halis Azhan Mohd Hanafiah. *Novel-novel Zailani Taslim: Analisis Kehendak Remaja*. Tesis Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2002.
- Harun Arrasyid Haji Tuskan. *Menangani Konflik Emosi Menurut Pandangan Islam*. Selangor: Edusystem, 2006.
- Hashim Awang. *Kritikan Kesusastraan: Teori dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Hashim Ismail. *Julia Sebagai Sebuah Novel Remaja*. Wacana Persuratan Melayu. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu, 2007.
- Ijelle, Larry A. dan Danial J. Ziegler. *Personality Theories*. New York: McGraw-Hill Inc., 1992.
- H.M Arifin. *Psikologi Dakwah: Suatu Pengantar Studi*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1977.
- Holman, C. Hugh. *A Handbook to Literature*. New York: The Odyssey Press, 1972.

- Ibrahim Mamat. *Memimpin Remaja Sekolah: Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman, 1997.
- Jalaludin. *Teologi Pendidikan*. Jakarta: Raja Grafindo Persada, 2002.
- Julia Unggai. *Hierarki Kehendak Manusia Maslow dalam Novel Remaja*. Dewan Sastera, Mei 1998:17-23.
- Jumali Selamat. *Cerminan Sosial dan Nilai Murni dalam Novel Remaja*. Tesis Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2011.
- Juma'at Mohd Noor. "Masyarakat Melayu: Gejala Dadah dan Penyelesaiannya". *Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial: Proses Penyelesaian ke Arah Pembinaan Masyarakat Melayu Cemerlang Abad ke-21*. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda, 1996. 3-32.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Fauziyani Md Saleh @ Masrom. *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2007.
- Kamarulzaman Kamaruddin. *Psikologi Perkembangan: Panduan Untuk Guru*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009.
- Kasmini Kassim. *Penderaan Emosi Kanak-Kanak: Trauma Terselindung*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.
- Lim Kim Hui (Fung Yu-Lan) (terj.). *Sejarah Ringkas Falsafah Cina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Lim Swee Ting. *Keberkesanan Unsur Sastera Dalam Pemelajaran Bahasa Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2005.
- Maharam Mamat et al. *Tarbiah dalam Novel Papa...Akhirnya Kau Tewas Jua*. Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, Vol. 13, 2012.
- Mahmood Nazar Mohamed. *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Majdi As-Sayyid Ibrahim. *50 Wasiat Rasulullah Untuk Wanita*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, 1998.
- Malikc Brahim. *Mengurus Konflik*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd, 2008
- Ma'ruf Redzuan dan Haslinda Abdullah. *Psikologi*. Fakulti Ekologi Manusia, UPM: Serdang Selangor, 2001.
- Manu Sikana. *Proses Penulisan Kreatif*. Singapura: EDN Media, 2004.
- Mariana Mohamad. *Unsur-unsur Didaktik Dalam Novel-Novel KOMSAS*. Tesis Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2011.

- Maslow, Abraham H. *Motivation and Personality 2nd Edition*. New York: Harper & Row Publisher, 1970.
- Mior Muhammad Saiful Nizan Muhd Saali, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Arba'ie Sujud. *Refleksi Penyataan Psikologi Abnormal dalam Cerpen-cerpen Remaja*. Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu, Bil 1, Jilid 30, 2012.
- Misran Rokimin. *Keluar Dari Stereotaip Penulisan Novel Remaja*. Dewan Sastera, Mac 2001, 29-31.
- Misran Rokimin. "Pembangunan Insan Remaja Dalam Cerita Adam". *Isu Pendidikan dan Pembangunan Insan Menerusi Novel*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Misran Rokimin. "Unsur-unsur Integrasi dalam Novel-novel KOMSAS". *Isu Pendidikan dan Pembangunan Insan Menerusi Novel*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Misran Rokimin. "Sastera dan Pembangunan Manusia: Meneliti Teks Novel Tingkatan Lima Komponen Sastera (KOMSAS) Bahasa Melayu – Julia". *Isu Pendidikan dan Pembangunan Insan Menerusi Novel*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Misran Rokimin. *Mobaliti Sosial dalam Interlok Karya Abdullah Hussain*. Jurnal Melayu. Bil. 8, 2011.
- Mhd. Shokkeri Hj. Ismail. *Citra Remaja dalam Novel-novel Pilihan 1990-1995: Satu Kajian Psikologi*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Jabatan Persuratan Melayu: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.
- Mhd. Shokkeri Ismail. *Citra Positif dan Unsur Pengaruh dalam Novel Remaja*. Dewan Sastera, Mei 1998 : 68-72.
- Mohamed Hatta. *Alam Fikiran Yunani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.
- Mohamed Hatta Shaharom. *Psikologi & Kaunseling Remaja: Panduan Remaja Membimbang Diri Sendiri*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2003.
- Mohd Fadzilah Kamsah dan Syaidatun Nazirah. *Psikologi Cinta*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd, 2007.
- Mohd Salleh Lebar. *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 1994.
- Moleong, Lexy J. *Metodologi Penelitian Kualitatif Edisi Revisi*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2004.

- Muhammad Nu'aim Yasin. *Panduan Solat-Solat Sunat dan Doa Pilihan*. Selangor: Jasmin Publications, 2010.
- Muhammad Syahir Abu Bakar. *Perspektif Al-Ghazali dan Aristotle Terhadap Konsep Persahabatan*. Jurnal Hadhari, 2013.
- Muhammad Uthman Najati. *Al-Qur'an wa Ilm al-Nafs*. al-Qahirah: Dar al-Shuruq, 1993.
- Mustafa Fahmi. *Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. 8th ed. Kota Bahru: Pustaka Aman Press, 1996.
- Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. *Pemikiran dan Teknik Penceritaan dalam Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2005.
- Nor Azizah Abdullah. *Kajian Tentang Aspek Gaya Bahasa Dalam Novel Remaja Karya Khadijah Hashim*. Projek Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 1998.
- Norlizah Banun. *Pembentukan Akhlak Dalam Karya Sastera (Komsas) Daripada Perspektif Psikologi Perkembangan Kanak-kanak*. Tesis Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2009.
- Omar Mamat. *Nilai-nilai Moral dalam Novel-novel Remaja*. Tesis Master. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994.
- Othman Putch. *Sastera Remaja ditinjau Daripada Beberapa Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Rahman Shaari. *Memahami Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: karya Bistari Sdn. Bhd, 1985.
- Rahman Shaari. *Sastera Remaja dalam Pendidikan*. Dewan Sastera, Sept 1997. 12-12.
- Ruslan Ngah. *Merenang Gelora*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2002.
- Ratna Roshida Abd. Razak. *Eskpresi Seri Seorang Wanita Tua dalam Sangeetha: Satu Pendekatan Psikologi Kemamusiaan*. Jurnal Akademika. Bil. 72, 2008.
- Robbins, Stephen et al. *Perilaku Organisasi*. Jakarta: Salemba Empat, 2008.
- S. Othman Kelantan. *Kecenderungan Baru Dalam Novel Melayu: Satu Kajian Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Sidi Gazalba. *Islam dan Perubahan Sosiobudaya: Kajian Islam Tentang Perubahan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. 1983a.
- Sidi Gazalba. *Islam dan Perubahan Sosiobudaya: Kajian Islam Tentang Perubahan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. 1983b.

- Siti Jasmina Ibrahim. *6:20*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2001.
- Safian Hussien et al. *Glosari Istilah Kesusastraan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Susean Hussin. *Pendidikan di Malaysia : Sejarah Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Sarlito Wirawan Sarwono. *Pengantar Umum Psikologi*. Jakarta: Bulan Bintang, 1976.
- Salbiah Ani. "Kemelut Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu". *Berita Harian. Selasa 20 Mac 2001* : Hal. 3.
- Webster's New World Dictionary*. New York: Simon & Schuster Inc. 1993.
- Wellek, Rene & Warren, Austin. *Theory of Literature*. Harmondsworth: Penguin, 1970.
- Yusoff Zaky Yacob. *Saikologi Remaja*. Kota Bahru: Sharikat Dian Sdn. Bhd, 1975.
- Yusoff Zaky Yacob. *Ilmu Jiwa*. Kota Bahru: Sharikat Dian Sdn. Bhd, 1975.
- Zainal Abdin Safarwan. *Kamus Besar Bahasa Melayu*. UPD, 1951.
- Zahir Ahmad et al. *Wacana Persuratan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2007.
- Zakiah Daradjat. *Perwatakan Jiwa Untuk Kanak-kanak*. Bandung: Penerbit Bulan Bintang, 1973.
-
- _____. *The Oxford Dictionary of Current English 7th edition*. New York: Oxford Press, 2006.

Laman Sesawang

<http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/4928/2488> diakses pada 24/06/2014

http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Sengsara_CintaMadinah/Article/cetak
diakses pada 19/02/2013

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1010&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_05.htm//ixzz2tjviiIwm
diakses pada 19/02/2013

<http://berita.cari.com.my/news.php?id=20387> diakses pada 13/12/2013

<http://munsyibm.blogspot.com/2011/04/kemelut-teks-sastera-komsas.html> diakses pada 20/02/2013

http://wardatul-syuhada.blogspot.my/2011_04_01_archive.html diakses pada 06/05/14

<https://shafiqolbu.wordpress.com/2013/07/02/imam-al-ghazali-10-punca-sikap-marah/>
diakses pada 28/03/2014

<http://ciptaan-mulia.blogspot.my/p/pengenalan-emosi-didefinisikan-sebagai.html>
diakses pada 27/05/2014

BIODATA PELAJAR

Faziela binti Abu Bakar @ Che Din dilahirkan di Hospital Parit Buntar, Perak pada 12 November 1988 dan membesar di Parit Buntar, Perak. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sri Kerian dan menyambung pendidikan di peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Panglima Bukit Gantang Parit Buntar, Perak. Beliau kemudian menyambung pengajian di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dalam pengkhususan kesusastraan Melayu. Seterusnya ditawarkan tempat di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam jurusan kesusastraan Melayu dan seterusnya menyambung pangajian di peringkat sarjana iaitu Master Sastera pada tahun 2012.

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : SEM 1/2015/2016

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

UNSUR EMOSI DAN KONFLIK DALAM NOVEL KOMIK
PILIHAN

NAMA PELAJAR : FAZIELA BINTI ABU BAKAR @ CHE DIAH

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah djalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga

(Tanda Tangan Dr. Nik Rafidah binti Muhamad Affendi)

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

SELANGOR DARUL EHSAN

N.F.I-U

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa

Fazilah:
(Tandatangan Pelajar)

Penyeliaan)

No Kad Pengenalan / No Pasport.:

881112-08-6084.

Tarikh :

Nama: *NIK KAPIAWAH BINTI MUHAMAD APPENDA*

Tarikh: *17/04/2017*

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]